

APA DIA HOMEOPATHY

Homeopathy ialah sistem rawatan alternatif tanpa dadah dan kesan sampingan yang amat efektif, moden, saintifik dan paling selamat di dunia. Ia diasaskan oleh doktor dan ahli kimia terkemuka di dunia Dr. Samuel Hahnemann dari Jerman (1755 -- 1843)

Homeopathy merawat penyakit dengan cara merangsang Tenaga Penyembuhan Semulajadi Badan supaya menjadi kuat untuk menyembuhkan penyakit dengan sendirinya (self-healing). Tni dilakukan dengan menggunakan ubat-ubatan yang diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan dan garam galiran yang diproses secara saintifik supaya mampu bertindak secara langsung kepada Tenaga Penyembuhan Semulajadi Badan.

Ubat homeopathy tidak mengandungi badan kimia merbahaya. Ia telah diuji kepada manusia melalui prosedur yang amat ketat dan teliti untuk memastikan ianya benar-benar selamat untuk digunakan. Kini terdapat lebih daripada 4000 jenis ubat homeopathy digunakan untuk merawat pelbagai jenis penyakit di dunia. (lihat risalah Mengenal Ubat Homeopathy)

PENINGKATAN PENGGUNAAN DI DUNIA

Homeopathy kini menjadi sistem rawatan kedua terbesar di dunia selepas perubatan biasa. Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Homeopathy digunakan oleh lebih daripada 1500 juta penduduk dunia secara aktif terutama di negara-negara maju seperti Amerika dan Eropah. Di megara-negara maju, Homeopathy digunakan dengan meluas oleh golongan berpelajaran yang mahukan rawatan yang efektif tanpa kesan sampingan.

Mengikut kajian, penggunaan rawatan Homeopathy di kalangan doktor perubatan biasa di Eropah juga semakin meningkat. Ini disebabkan oleh 4 faktor yang utama iaitu; skop rawatannya yang amat luas, ketepatan rawatan, keselamatan dan keberkesannya. mengikut statistik kini 32% doktor di Perancis menggunakan Homeopathy secara aktif dalam praktis perubatan mereka. Di Jerman 20%, Holland 40%, Belgium 85%. Di England 40% doktor biasa merujuk pesakit mereka kepada doktor.

KEBAIKAN HOMEOPATHY

Mengikut kajian yang dijalankan oleh beberapa badan-badan berkaitan perubatan dunia, di negara-negara maju Homeopathy semakin menjadi pilihan kerana mempunyai banyak kebaikan dan kelebihan berbanding sistem perubatan lain. Antaranya:

1. Skop rawatan Homeopathy amat luas. Ia boleh digunakan dari mencegah wabak penyakit berjangkit hinggalah kepada merawat pelbagai jenis penyakit yang tidak boleh dirawat oleh perubatan biasa.
2. Rawatannya memberi peluang untuk badan pulih dari penyakit dengan sendirinya melalui cara yang betul dan sistematik mengikut sunatullah.
3. Ubat-ubat Homeopathy selamat untuk digunakan dan tidak memberi sebarang kesan sampingan
4. Rawatannya amat rasional dan praktikal. Ia merangkumi semua aspek diri manusia meliputi mental, emosi dan fizikal.
5. Rawatannya nertujuan untuk menyembuhkan penyakit dalam ertikata sebenar. Ia bukan sekadar untuk menahan atau meredakan penyakit.
6. Rawatan ini mampu mengubati penyakit hingga ke akar umbi atau punca sebenar penyakit. Hasil rawatannya dapat memberikan penyembuhan sebenar yang kekal dan sempurna.
7. Rawatan ini menjadikan manusia sihat tanpa perlu sentiasa bergantung kepada ubat. Ia satu penjimatan kos perubatan jangka panjang.
8. Ubat homeopathy berbentuk tenaga yang mampu sampai ke kod genetic. Oleh itu ia dapat merawat dan mencegah penyakit keturunan dari menular ke generasi seterusnya.
9. Rawatannya boleh dilakukan di peringkat awal sewaktu janin berada di dalam kandungan. Ini membantu melahirkan generasi manusia yang sihat dan kuat. Ia satu penjimatan kos jangka panjang.
10. Kos rawatan lebih murah berbanding system perubatan lain dalam kes-kes penyakit yang diketahui umum memerlukan belanja yang amat besar.
11. Dokotr Homeopathy amat professional dalam mengendalikan kes-kes pesakit. Mereka memberi masa lebih untuk berinteraksi dan memahami setiap pesakit. Ini menjamin rawatan yang tepat, sempurna dan memuaskan untuk setiap pesakit.